


*Kumpulan Esei*

# **SASTERA SABAH DALAM KRITIKAN**



*Jasni Matlani*



S.6nai 8830

*Kumpulan Esei*  
**SASTERA SABAH  
DALAM KRITIKAN**

PERPUSTAKAAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Kumpulan esei sast




SAB00018830

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

*Kumpulan Esei*  
**SASTERA SABAH  
DALAM KRITIKAN**

*Jasni Matlani*



Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2008

Cetakan Pertama 2008  
© Jasni Matlani 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam  
Penerbitan

Jasni Matlani

Kumpulan eseи: sastera Sabah dalam kritikan / Jasni Matlani.  
ISBN 978-983-62-9819-5  
1. Malay literature--History and criticism. I. judul.  
899.2309

Dicetak oleh  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037, Jalan AU3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

---



# KANDUNGAN

Daripada Penulis  
ix

## PERKEMBANGAN KRITIKAN SASTERA SABAH

1

Kritikan Sastera Sabah: Beberapa Perspektif  
3

## PERKEMBANGAN SASTERA SABAH

19

Separuh Abad Perkembangan Sastera Sabah  
21

## KRITIKAN CERPEN

43

*Rasa*-Fenomenologi dalam *Sepasang Sayap Jelita*:  
Satu Analisis Awal  
45

*Kelalagan*: Analisis Awal Pascakolonialisme  
66

Poligami dalam Cerpen *Kaluah* dan *Menanti Riana*:  
Pendekatan Kritikan Sastera Islam  
79

*Kandungan*

**KRITIKAN PUISI**

**99**

Pembangunan Masyarakat dalam Karya Puisi

Raymond Majumah: Satu Analisis Awal

**101**

*Api Laut Merah: Citra Puisi Islam*

**126**

*Taufan: Bencana Sebagai Iktibar Kehidupan*

**147**

**KRITIKAN PUISI ISLAM**

**163**

Memperteguh Perkembangan Puisi Islam di Sabah

**165**

Menilai Puisi Islam di Sabah

Menggunakan Pendekatan Dakwah

**181**

**KRITIKAN DRAMA**

**199**

*Teater Moden Sabah: Perkembangan,*

Pemikiran dan Permasalahan

**201**

Pemikiran dalam Drama Mutakhir Sabah

**222**

**KRITIKAN NOVEL**

**257**

Pembangunan Modal Insan dalam Novel *Pei Pan*

**259**

**KRITIKAN AUTOBIOGRAFI**

**277**

Fenomena Sejarah dalam *Bantugan di Pengalat Kecil*

**279**

*Kandungan*

*Biodata Penulis*

**299**

*Bibliografi*

**305**

*Indeks*

**311**

## —○○ DARIPADA PENULIS ○○—

SAYA mengambil masa yang lama untuk melihat buku ini menjadi kenyataan. Bermula dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripada Prof. Dr. Sahlan Mohd. Saman dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjadi bapa angkat saya dalam program Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, saya hampir berputus asa kerana bukan mudah sebenarnya menghasilkan buku ini. Beberapa kendala dan cabaran terpaksa dihadapi. Bagaimanapun alhamdulillah berkat sokongan, nasihat dan teguran daripada beberapa orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah akhirnya buku ini dapat disempurnakan. Saya akui, beberapa tulisan awal yang telah dihantar kepada bapa angkat tidak lagi dimuatkan di dalam buku ini kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan, namun inilah yang dapat saya lakukan untuk merealisasikan penerbitan buku ini.

Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga pertama-tamanya kepada bapa angkat saya Prof. Dr. Sahlan Mohd. Saman yang telah membimbing dan memberikan tunjuk ajar sewajarnya. Terima kasih tidak terhingga juga kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Encik Zubaidi Abas yang mengambil inisiatif supaya hasil karya program anak angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah ini dibaiki dan diterbitkan. Begitu juga pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah di bahagian penerbitan khususnya kepada Encik Rusdi Awang,

*Daripada Penulis*

Puan Jennitah Noordin dan Puan Noorzanani Haji Kata yang banyak membantu dan tidak henti-henti memberikan pelbagai nasihat, teguran, cadangan dan pandangan sehingga buku ini diterbitkan. Para editor dan penilai, terima kasih yang tidak terhingga. Tanpa keprihatinan anda semua sudah pasti penerbitan buku ini tidak menjadi kenyataan. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah yang lain yang turut membantu sama ada secara langsung atau tidak.

Kepada ahli keluarga saya yang sentiasa sabar dan memberikan banyak ruang untuk berkarya dan menulis. Percayalah sokongan anda semua akan tetap saya sanjung dan kenang hingga akhir hayat. Tanpa sokongan semua pihak, impian saya untuk menyempurnakan penulisan buku ini sudah pasti tidak akan menjadi kenyataan.

Mudah-mudahan karya yang baik akan terus diingati dan kekal lama walaupun selepas kita tidak ada lagi di dunia ini.

**Jasni Matlani**

**PERKEMBANGAN KRITIKAN**

**SASTERA SABAH**

# Kritikan Sastera Sabah: Beberapa Perspektif

## Pendahuluan

PERANAN pengkritik amatlah penting dalam melakukan penilaian terhadap sesebuah karya sastera. Ini kerana pengkritik boleh membawa pengaruh dan meninggalkan kesan tertentu, baik positif maupun negatif terhadap seorang pengarang. Apabila Pramoedya Ananta Toer disisihkan dari pada perkembangan sastera Indonesia, ditahan selama 14 tahun di Pulau Buru dan karya-karyanya diharamkan di negaranya, malah penganugerahan Hadiah Ramon Magsaysay yang diberikan kerajaan Filipina terhadapnya dipertikai-kan oleh sebahagian besar penulis Indonesia. Koh Young Hoon (1996) menyimpulkan semua kesulitan yang dihadapi Pramoedya itu sebagai kesan kritikan yang dilakukan terhadap karyanya dan juga kritikan mereka terhadap dirinya sebagai individu. Justeru, pengajaran yang diperoleh dari pada kes Pramoedya itu ialah kritikan mestilah mengambil sikap tidak memihak kepada sesuatu golongan dan pengkritik pula dituntut menggunakan ukuran yang wajar.

Apakah ukuran yang wajar itu? Hashim Awang (1988) menjelaskannya sebagai mesti dikerjakan oleh orang yang memiliki sifat-sifat tertentu. Salah satu sifat itu ialah mereka hendaklah menggunakan prinsip-prinsip estetika dalam penilaian dan mengemukakan hujah-hujah yang kuat dan tepat. Oleh itu mereka boleh mengatasi masalah suka atau tidak suka untuk mempertimbangkan sebab-sebab kegagalan dan kejayaan sesebuah karya sastera. Menurut Muhammad Haji Salleh (1999), kerja mengkritik itu mengungkapkan suatu wacana perbincangan, penilaian, dan dalam beberapa hal, mencari juga kelemahan sesebuah hasil ciptaan, hasil kerja seorang manusia lainnya.

Andre Hardjana (1982) pula berkata, kritikan sastera ialah satu proses kesedaran. Liku-liku pemikiran yang terdidik dan terlatih yang tidak hanya menyusun abstraksi intelektual semata-mata, tetapi merupakan satu metode berfikir, merasa, mengatur dan membentuk pola-pola peristiwa dalam keseluruhannya. Kritikan sastera ini merupakan kemampuan seseorang untuk memisahkan emosi dalam menghadapi sesebuah teks sehingga mampu mengatur pemikirannya, membentuk cita perasaannya, mampu menanggapi teks sastera di hadapannya dengan penuh kejujuran, kesaksamaan dan kebersihan hati. Seorang pengkritik sastera menurutnya, harus mengajak khalayaknya melihat apa yang terdapat dalam lubuk kesusteraan itu sendiri dan mengangkat martabat manusia yang terdapat dalamnya. Bukan mencari kelemahan orang lain dan mencemuhnya. Justeru, kritikan ialah disiplin penilaian yang berimbang dan saksama dalam bahasa yang penuh hormat dan berbudi bahasa. Kritikan sastera mesti bebas dari pada sebarang cacamarba penghinaan, cacian yang tidak mendatangkan sebarang kebaikan.

## **Kritikan Sastera Islam**

Arifin Arif (YB) (2004) pernah menceritakan satu kisah yang menarik berkaitan tradisi kritikan sastera Islam.

Menurutnya, pada zaman dahulu (zaman awal Islam) terdapat seorang khatib yang tidak berpuas hati terhadap seorang raja. Khatib itu membuat kritikan terhadap raja ketika dia memberikan khutbah Jumaat di sebuah masjid yang turut dihadiri raja berkenaan. Apabila raja itu hanya mendiamkan diri dan tidak memberikan reaksi terhadap kritikan itu, maka khatib berkenaan tidak berpuas hati, lalu dia terus mengkritik, mengutuk dan mencaci maki raja itu. Akhirnya raja memutuskan untuk menemui khatib itu dan bertanya dua soalan yang sangat bijak. Soalan pertama raja itu ialah siapakah yang lebih baik antara khatib itu dengan Nabi Musa a.s. Khatib menjawab, tentulah Nabi Musa a.s. kerana dia seorang nabi. Raja itu kemudian mengajukan soalan kedua; Siapakah yang lebih jahat antara saya (raja itu) dengan Firaun. Khatib itu menjawab tentulah Firaun. Lalu raja itu berkata kepada khatib berkenaan, jika Nabi Musa a.s. mengucapkan kata-kata yang baik kepada Firaun yang dilaknat Allah SWT, mengapa khatib menggunakan kata-kata yang sangat buruk terhadapnya walaupun dia tidak sejahter Firaun. Maka khatib itu pun tersedar daripada perbuatannya yang jelas tidak adil terhadap raja itu.

Kisah ini pada pendapat penulis merupakan satu analogi yang baik untuk dijadikan teras kritikan sastera Islam. Sebab dalam Islam itu sendiri, sebenarnya tidak wujud istilah “Kritikan”. Yang ada hanyalah teguran dan nasihat kepada sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan dan kesilapan dalam apa-apa juga kerja yang dilakukannya. Kritikan sastera Islam mesti dilakukan secara berhemah, bertimbang rasa, adil saksama dan tidak melibatkan sebarang perbuatan mencaci, mencela, memaki hamun. Apalagi melibatkan perbuatan memfitnah, kerana Islam sendiri menggambarkan fitnah itu sebagai lebih kejam daripada membunuh. Begitu juga kritikan tidak harus menjatuhkan maruah orang lain, tidak mengaibkan dan tidak menjadikan orang yang ditegur